



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 40/2021 dari 3 Oktober hingga 9 Oktober 2021)**

Pada minggu ke-40, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 27 kes (5.8%), menjadikan jumlah kes 490 berbanding 463 kes pada minggu sebelumnya. Satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-40. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 20,376 kes berbanding 78,303 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 57,927 kes (74%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 14 kematian berbanding 127 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 113 kematian (89%) **(Lampiran A & C)**. Jumlah lokaliti hotspot berkurang sebanyak dua (2) lokaliti menjadikan sejumlah lima (5) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-40 berbanding tujuh (7) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 32 kes pada minggu ke-40 yang mana 14 kes dari WPKL & Putrajaya, 11 kes dari Selangor, tiga (3) kes dari Kelantan, dua (2) kes dari Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) kes dari Perak serta Negeri Sembilan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,102 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,227 sampel darah dan 29 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Pembukaan sempadan negeri dan sektor pelancongan meningkatkan pergerakan manusia dari satu kawasan ke kawasan lain. Walau bagaimanapun, pergerakan individu yang dijangkiti demam denggi (namun tiada gejala) ke kawasan yang tidak mempunyai kes denggi boleh menyebabkan penyebaran virus denggi kawasan tersebut. Oleh yang demikian, gunakan repelan sebagai langkah pencegahan dari gigitan nyamuk Aedes terutama apabila berada di kawasan wabak denggi. Bagi individu dan keluarga yang bercadang untuk bercuti di luar kawasan dalam tempoh yang lama, pastikan kawasan kediaman tiada bekas berpotensi pembiakan nyamuk seperti baldi, bekas makanan haiwan peliharaan, barang lusuh di sekitar rumah dan sebagainya. Cegah denggi, tanggungjawab bersama. Jangan diabaikan, nanti sengsara. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
18 Oktober 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 39 dan ke- 40 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 40 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-40 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 40/2021**  
(3 Oktober hingga 9 Oktober 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 40/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 40/2020	
		Minggu 40 (3 Oktober – 9 Oktober 2021)		Minggu 39 (26 September – 2 Oktober 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	1	0	1	0	20	0	76	0
2	Kedah	8	0	9	0	408	0	699	0
3	P. Pinang	4	0	5	0	317	0	841	2
4	Perak	7	0	9	0	469	1	2,461	3
5	Selangor	312	0	284	0	12,148	2	39,359	36
6	WP KL & Putrajaya	71	1	74	0	2,452	2	9,085	7
7	N. Sembilan	15	0	16	0	472	1	2,510	8
8	Melaka	5	0	3	0	498	0	2,194	6
9	Johor	14	0	20	0	1,464	2	9,485	35
10	Pahang	3	0	5	0	361	1	2,620	7
11	Terengganu	1	0	1	0	35	0	338	0
12	Kelantan	5	0	5	0	169	0	3,688	6
13	Sarawak	5	0	6	0	305	0	1,379	2
14	Sabah	39	0	25	0	1,254	5	3,562	15
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	6	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>490</b>	<b>1</b>	<b>463</b>	<b>0</b>	<b>20,376</b>	<b>14</b>	<b>78,303</b>	<b>127</b>

**Lampiran D****LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 40/2021  
(3 Oktober hingga 9 Oktober 2021)**

<b>NO</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKALITI</b>	<b>BIL KES</b>	<b>TEMPOH WABAK (HARI)</b>
1	SELANGOR	Petaling	E10. BG Sek 14 (Teres 1) [Jln 1-28]	12	55
2	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Impian	30	48
3	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Koperasi Uda	13	42
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	9	37
5	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 1	12	35

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 39/2021 (9 Oktober 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	124
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	31
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	10	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	2	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	11	
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	7	7
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	33	52
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	10	

9.	Selangor	Gombak	86	211
		Hulu Langat	62	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	5	
		Sepang	6	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	50	371
		Kepong	119	
		Lembah Pantai	39	
		Titivangsa	163	
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>1,102</b>	